

**Malaysia Cari Kaedah Terbaik Didik Anak Autisme - Rosmah  
Bernama  
Mei 19, 2014  
Oleh Sharifah Nur Shahrizad Syed Mohamed Sharer**

ABU DHABI, 19 Mei (Bernama) -- Malaysia sedang mengkaji pendekatan terbaik yang boleh digunakan dalam pendidikan bagi kanak-kanak autisme, kata isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata Malaysia sedang memperhalusi kaedah-kaedah yang diguna pakai di negara luar bagi mengenal pasti pendekatan paling sesuai diaplikasi di Malaysia.

"Kita sedang memilih pendekatan terbaik untuk kanak-kanak di Malaysia dan hari ini saya mengambil kesempatan untuk melawat Pusat Autisme Abu Dhabi bagi melihat pendekatan yang diguna pakai oleh mereka dalam pendidikan kanak-kanak tersebut.

"Dalam lawatan ini mereka memberi penerangan bagaimana mendekati, melatih dan mendidik kanak-kanak autisme ini dan apa yang kita fikir sesuai, kita akan guna pakai dalam pendekatan dan kaedah pendidikan di pusat autisme di negara kita," katanya.

Rosmah yang juga penaung Program Permata berkata demikian kepada pemberita Malaysia selepas melawat pusat berkenaan yang terletak di dalam Kompleks Pertubuhan Zayed, di sini.

Beliau berada di sini sejak Sabtu bagi mengikuti lawatan rasmi tiga hari perdana menteri ke Abu Dhabi yang berakhir pada Isnin.

Rosmah berkata dalam lawatan itu pengendali pusat berkenaan turut menyatakan kesediaan membantu Malaysia dalam penubuhan pusat autisme di Malaysia.

Malaysia bakal mempunyai pusat autisme negara dengan penubuhan Pusat Permata Kurnia yang akan memberi tumpuan kepada pendekatan dan kaedah alternatif dalam intervensi awal kepada kanak-kanak autisme berumur antara dua dan enam tahun.

Pusat itu akan menyediakan perkhidmatan sepenuh masa bagi kanak-kanak empat hingga enam tahun sebagai transisi persediaan sebelum memulakan pendidikan arus perdana dan dijangka 300 kanak-kanak akan menerima manfaat itu pada peringkat permulaan.

Pusat bernilai RM28 juta dan terletak di Sentul itu dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan dijangka siap Februari 2015.

Pada masa ini kadar prevalen autisme di Malaysia pada 2004 adalah satu bagi 600 kelahiran dan bilangan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun yang mengalami ciri-ciri autisme ialah kira-kira 13,000 orang dengan majoritinya lelaki.

Dalam pada itu hanya 2,782 orang atau 20.86 peratus daripada 13,000 kanak-kanak autisme menerima pendidikan di sekolah aliran perdana dan bakinya di pusat pemulihan dalam komuniti kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, pusat-pusat autisme kendalian badan bukan kerajaan dan Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (Nasom).

Program kendalian pihak swasta pula hanya mampu dihadiri oleh kanak-kanak dari keluarga yang berkemampuan disebabkan kos yang tinggi iaitu antara RM2,000 hingga RM10,000 sebulan bagi setiap kanak-kanak autisme.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039519>